



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	13/11/2019	MUKA SURAT	: 4
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Kadar 3 sen setiap 1,000 gelen tak logik

Kuala Lumpur: Kadar tiga sen yang dibayar oleh Singapura kepada Malaysia dalam penjualan air mentah ke negara itu dilihat tetap tidak masuk akal meskipun dinilai tanpa melihat perbandingan dengan negara lain.

Pakar Geostrategis Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Profesor Dr Azmi Hassan, berkata, perbandingan itu hanya digunakan untuk memperkuatkan hujah Malaysia, tetapi jika dinilai secara bersendirian, kadar itu terlalu rendah.

“Jika dilihat kadar air ke Macau dan Hong Kong yang dibekalkan oleh China, mereka mem-

bayar pada kadar masuk akal dan berpautan, meskipun kedua-duanya berada di bawah Beijing.

“Begitu juga Taiwan, yang masih dianggap sebagai sebahagian dari wilayah China, mereka juga membayar dengan kadar yang logik.

“Analogi perbandingan ini walaupun mereka negara sama, kadar air yang dibayar adalah mengikut kadar semasa, tetapi mengapa bayaran 3 sen ini timbul disebabkan perjanjian yang dibuat oleh British bersandarkan Singapura sebahagian dari Malaya atau Malaysia selepas itu,” katanya kepada BH, semalam.

Dr Azmi menegaskan, Singapura perlu berhenti daripada menggunakan klausa perjanjian untuk tidak mahu berunding.

“Dalam kes ini, sifat timbang rasa Singapura perlulah ditutamakan,” katanya.

Beliau berkata, Rundingan Perjanjian Air 1962 di antara Malaya dan Singapura masih boleh dijalankan walaupun republik itu mendakwa negara kehilangan hak terbit kerana tidak melakukannya semakan harga air yang sepatutnya dibuat pada 1987 dan 2012.

Katanya, republik itu biasanya akan menggunakan segala alasan

untuk tidak berhincang dan lebih gemar berhujah bahawa Malaysia terlepas peluang berunding sebanyak dua kali sebelum ini.

“Secara mudahnya Singapura tidak mahu membuka pintu rundingan kerana tidak mahu terdedah dengan permintaan Malaysia supaya kadar harga air dikaji semula.

“Faktanya, Singapura akur dengan kadar yang tidak masuk akal ini dan disebabkan itu, mereka menambah hujah membekalkan air terawat ke Johor dengan kadar 50 sen seperti mahupun kadar 3 sen itu,” katanya.



Dalam kes ini, sifat timbang rasa Singapura perlulah diutamakan.

Dr Azmi Hassan, Pakar Geostrategis UTM